

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 4/7/2016

Muka surat: m2

Tajuk : Unimas lakukan kunjungan hormat kepada Wong Soon Koh

Unimas lakukan kunjungan hormat kepada Wong Soon Koh

DELEGASI Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) terdiri dari Penolong Naib Canselor, Unimas (Keterlibatan Industri dan Komuniti), Profesor Madya Dr Mohammad Ibrahim Safawi Mohammad Zain, Pensyarah dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manu-

sia (FSKPM) Unimas, Profesor Madya Dr Norsiah Fauzan dan Penolong Pendaftar, Dayangku Zzyz Awang Rahmat melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Kewangan Kedua, Dato Sri Wong Soon Koh di bangunan Baitulmakmur (MASJA) baru-baru ini.

Kunjungan tersebut sebagai tanda berterima kasih kepada Dato Sri Wong Soon Koh yang telah menyumbang sebanyak RM10,000 menerusi Pusat Khidmat Komuniti Bawang Assan, kepada Benjamin Wong Yi Ren mewakili Malaysia dalam pertandingan 'Inter-

national Brain Bee Challenge'

hujung bulan ini.

Sumbangan tersebut untuk kegunaan perbelanjaan dan perjalanan Benjamin Wong Yi Ren dan juga kumpulan pengiring dalam pertandingan berkenaan diadakan di Copenhagen, Denmark, 30 Jun sehingga 4 Julai lalu.

Benjamin menentang peserta

dari 45 buah negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa itu.

Sementara itu, antara menyumbang lain membantu dalam perbelanjaan untuk Ben-

jamin dan kumpulan pengiring

ialah Pusat Pembangunan Pen-

dikanan Yayasan Sarawak, Da-

tuk Profesor Dr Sim Kui Hian

dari N14 Batu Kawa dan Faz-

ruddin Abdul Rahman dari Pu-

sat Khidmat P194 Petra Jaya.

Benjamin Wong Yi Ren, 17,

pelajar dari Sekolah Menengah

Kebangsaan Methodist Sibu,

sebelum ini mengalahkan lebih

1,005 orang pelajar sekolah

menengah bagi pertandingan

'Malaysia Brain Bee Challenge'

(MBBC) Mei lepas.

Kejayaan beliausekaligusme-

nempa sejarah kerana pertan-

dingan ini merupakan kali pertama di sertai oleh peserta dari



DATO Sri Wong (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan berbentuk cek kepada Profesor Dr Norsiah (dua dari kanan) di Bangunan Baitulmakmur (Masja).


Sarawak dan penyertaan pertama terus membubarkan hasil sebagai juara.

MBBC bermula semenjak tahun 2012 yang bertujuan memberikan pendedahan awal ilmu dan bidang neurosains kepada pelajar sekolah

menengah di Malaysia melalui pertandingan kuiz.

Bagi projek peringkat negeri Sarawak, ia merupakan kolaborasi di antara Unimas dan Universiti Sains Malaysia (USM) diketuai Profesor Madya Dr. Norsiah Fauzan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Unimas untuk memupuk minat pelajar Sarawak dan seterusnya melahirkan generasi berpengetahuan dan kompetitif dalam bidang neurosains.



BENJAMIN WONG bergambar bersama Profesor Dr Muzaimi Mustapha (kiri) dan Profesor Dr Norsiah (kanan) sewaktu menujuai Malaysian Brain Bee Competition Mei lalu.